

Headline **Kompaun jika buat pembakaran terbuka**
Date **11 Aug 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Mahkamah & Jenayah**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **996**

Language **Malay**
Page No **L-N15**
Article Size **181 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **2,987**



Kompaun jika buat pembakaran terbuka

Bendung masalah kualiti udara, cuaca jerebu dalam negara

KUALA LUMPUR - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan mengenakan kompaun terhadap mereka yang melakukan pembakaran terbuka kerana ia menyumbang kepada tahap kualiti udara yang tidak sihat dan cuaca berjerebu di rantau ini.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Tan Sri Joseph Kurup berkata, tindakan itu adalah untuk membendung berlakunya pembakaran terbuka secara berleluasa dan membantu menyelesaikan masalah kualiti udara dan cuaca berjerebu yang melanda seluruh negara sekarang.

Menurutnya, jalan penyelesaian kepada masalah pembakaran terbuka di la-

dang pertanian akan mengambil masa yang lama kerana ada beberapa peladang yang masih menggunakan pertanian cara lama.

"Antara cara lama itu ialah amalan pembakaran secara terbuka yang kebanyakannya berlaku di Indonesia," katanya selepas merasmikan Bengkel Kebangsaan Menambahbaik Kaedah Untuk Menyepadukan Kimbangan Berkaitan Biodiversiti dalam Perancangan Hutan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kpong di sini, semalam.

Bengkel dua hari itu adalah anjuran Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), the International

Antara cara lama itu ialah amalan pembakaran secara terbuka yang kebanyakannya berlaku di Indonesia.

- Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Joseph Kurup



Tropical Timber Organisation (ITTO) dan FRIM.

Joseph berkata, negara juga akan bekerjasama dengan Kerajaan Indonesia dari masa ke masa untuk mengurangkan masalah jerebu tersebut. Sementara itu, beliau berkata bengkel itu

akan memperbaiki kaedah-kaedah pemuliharaan biodiversiti di seluruh negara dengan menggunakan sumber asli secara mampan tetapi pada masa yang sama tidak membahayakan warisan sumber asli negara. - Bernama